

MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS BERHAD

KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor yang didaftarkan di Malaysia yang mempunyai pengalaman berkaitan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Suruhanjaya Tenaga Malaysia (ST) bagi kerja-kerja seperti di bawah :-

Bil	No. Sebutharga	Perihal Kerja	Pendaftaran/Kategori/ Kod Bidang Pendaftaran	Harga (RM)	Penerangan Sebutharga/Lawatan Tapak Mandatori
1.	MASB/KK/ SH/OPT/001/ 2019	Service and Maintenance of 33/11KV Supply System At Kota Kinabalu International Airport	Pendaftaran Wajib i) MOF : 220503 & ii) Pendaftaran sebagai Kontraktor Perkhidmatan Elektrik daripada Suruhanjaya Tenaga Malaysia (ST)	100.00	Tarikh : 21 Februari 2019 Waktu : 9.30 Pagi Tempat: Bilik Mesyuarat Pejabat pengurusan Malaysia Airports Sdn Bhd, LTAB Kota Kinabalu, Aras 5, Bangunan Terminal, LTAB Kota Kinabalu, Sabah

Nota :

- Hanya Kontraktor yang berkelayakan dan mereka yang berkaitan dengan Sebutharga ini sahaja dibenarkan menghadiri sesi Penerangan Sebutharga/Lawatan Tapak Mandatori di atas.
- Dokumen Sebutharga ini hanya akan dijual selepas sesi Penerangan Sebutharga/Lawatan Tapak Mandatori dan hanya Kontraktor yang hadir semasa sesi Penerangan Sebutharga/Lawatan Tapak Mandatori sahaja dibenarkan membeli Dokumen Sebutharga tersebut.
- MAHB tidak bertanggungjawab ke atas semua perbelanjaan berkaitan penyertaan Sebutharga ini, contohnya kos pentadbiran, pengangkutan, penginapan dan lain-lain.
- MAHB tidak terikat atas apa jua sebab untuk menerima atau menolak Sebutharga terendah, sama, tertinggi atau mana-mana Sebutharga yang diterima; dan MAHB juga berhak membatalkan proses Sebutharga ini pada bila-bila masa sahaja tanpa menyatakan apa-apa sebab; atau memohon apa-apa maklumat tambahan daripada mana-mana penender, dan selanjutnya tanpa mengenakan sebarang liabiliti di dalam apa jua bentuk kepada penender-penender yang terlibat atau bertanggungjawab untuk memberitahu para penender yang terlibat berkaitan sebab musabab keputusan tersebut diambil.
- Syarikat adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang <https://vms.malaysiaairports.com.my> secara kerap untuk sebarang kemaskini/perubahan/maklumat tambahan sebutharga yang akan dimuatnaik dari masa ke semasa sepanjang Sebutharga ini berlangsung.

Dokumen Sebutharga boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai **21 Februari 2019** (selepas Penerangan Sebutharga/Lawatan Tapak) di :-

Bahagian Kewangan

Pejabat Pengurusan,
Malaysia Airports Sdn Bhd,
Aras 5, Bangunan Terminal,
88740 Kota Kinabalu, Sabah.

Pembelian untuk Dokumen Sebutharga mestilah dibuat dalam bentuk Tunai atau Bank Deraf (tidak akan dikembalikan) atas nama **Malaysia Airports Sdn Bhd.**

Dokumen Sebutharga ini hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor yang sah sahaja. Dalam hal ini mana-mana wakil Kontraktor adalah dikehendaki membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pihak Kontraktor bersama-sama dengan **sijil asal Pendaftaran MOF & ST (diwajibkan)** yang masih dalam tempoh sahlaku semasa membeli Dokumen Sebutharga di atas.

Dokumen Sebutharga yang lengkap diisi dan ditandatangani oleh pihak Kontraktor hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga, Pejabat Pengurusan, Malaysia Airports Sdn Bhd, Aras 5, Bangunan Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, 88740 Kota Kinabalu, Sabah** pada atau sebelum jam **12.00** tengahari **7 Mac 2019.**